

**MAKLUMAT DAN PANDUAN BAGI PERMOHONAN KURSUS
SEAMEO QITEP IN SCIENCE
BAGI TAHUN 2019**

1) Tarikh dan Nama Kursus

Tarikh	Nama Kursus
07 Julai 2019 - 16 Julai 2019	Training Course on Environmental Education For Sustainable Development (Office of Climate Change Education)
06 Ogos 2019 - 15 Ogos 2019	Training Course on Earth and Space Science (Mission to Mars)
09 September 2019 - 13 September 2019	Training Course on STELR Renewable Energy Programme

2) Tempat Kursus:

Tempat : SEAMEO Regional Centre for QITEP, Bandung, West Java,
Indonesia

3) Syarat-syarat tambahan permohonan:

- a. Dibukakan kepada pegawai dan guru di Jabatan Sekolah – Sekolah yang berminat untuk memohon dan mencukupi syarat yang ditetapkan oleh pihak SEAMEO QITEP dan Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa.
- b. Berumur 52 tahun ke bawah pada tarikh kursus dijadualkan bermula.
- c. Fasih berbahasa Inggeris.
- d. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya Gred B (Sangat Baik) pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Walau bagaimanapun, pemohon yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi dalam Gred A adalah menjadi satu kelebihan.
- e. Bagi tenaga pengajar, pemohon hendaklah mempunyai laporan pencapaian *Teacher Performance Appraisal* (TPA) sekurang-kurangnya **gred 3**.
- f. Sebagai *Associate Facilitator* (AF) dan pernah menjadi pembengkel kongsi sama di peringkat sekolah, kluster di Brunei Darussalam Teacher Academy (BDTA) adalah satu kelebihan.
- g. Tidak mengandungi semasa / pada kursus dijalankan.
- h. Mempunyai kesihatan yang baik.
- i. Tidak pernah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Jangka Panjang) tiga tahun kebelakangan semasa tarikh memohon kursus.

4) Tatacara menghadapi permohonan:

a. Permohonan mestilah menghadapi dokumen-dokumen berikut:

- i) Borang HRD1 yang lengkap
- ii) Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tahun 2016,2017 dan 2018. Bagi pegawai yang tempoh penilaian prestasi kurang tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus hendaklah dihadapkan bersama dengan laporan sulit mengenai prestasinya.
- iii) Laporan Pencapaian *Teacher Performance Appraisal* (TPA) dan Laporan Sulit dari Pengetua/Guru Besar (Bagi tenaga pengajar)

b. Semua permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing ke Pengarah Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Blok A, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam **sebelum Mei 2019.**

Perhatian: Permohonan adalah tertakluk kepada kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan surat tawaran berkursus daripada SEAMEO QITEP in Mathematics, Indonesia.